


SYED ALI ALHABSHEE

Saya Pegawai Rakyat



3.2595
SAA

Ahli Dewan Negara





*Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada*

**Senator Datuk Wira Syed Ali AlHabshee
Ketua UMNO Bahagian Cheras**

Pusat Rekreasi Cheras, Jalan Peel
55100 Kuala Lumpur
03-9287 7371 (P), 03-9287 3303(F)

SYED ALI ALHABSHEE

Saya Pegawai Rakyat



Ahli Dewan Negara

PELOKAN



Saya Pegawai Rakyat





SYED ALI ALHABSHEE

Saya Pegawai Rakyat

PUSTAKA PERDANA



1012384

Ahli Dewan Negara



CETAKAN PERTAMA:

JUN 2007

HAKCIPTA TERPELIHARA:

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa bentuk atau dengan alat apa jua pun, kecuali setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Penulis.

PENULIS:

Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee

PENERBIT:

Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee
No. 32, Jalan 1,
Taman Tun Abdul Razak,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

DICETAK OLEH:

Graphicstar Prints & Pack Sdn Bhd
3, Jalan PBS 14/10, Taman Perindustrian, Bukit Serdang, Sek 14,
43300, Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 983-43539-0-2



SAYA PEGAWAI RAKYAT

Khusus untuk
Ayahanda dan bonda tercinta
Allahyarham dan Allahyarhamah
Tan Sri Dato' Seri Syed Abbas Alhabshee
Puan Sri Datin Seri Sharifah Muznah binti Abdullah bin Sjech Abu Bakar
Yang telah melahirkan, mendidik dan mendewasakan


Istimewa buat isteri tercinta
Datin Wira Shariffah Latifah Alhaddad
Yang memahami serta merelakan masanya dikorbankan untuk masyarakat

Untuk anak-anak tersayang:
Syed Hussein Alhabshee
Syed Hamzah Alhabshee
Syed Abbas Alhabshee
Syed Abdullah Alhabshee
Sharifah Amira Alhabshee
Syed Muhammad Haikal Alhabshee
Sharifah Muznah Alhabshee
Yang merelakan masa dan kasih sayang mereka
dikongsi bersama masyarakat

Untuk abang yang istimewa sebagai guru saya dibidang perniagaan
Datuk Syed Abdillah Syed Abbas Alhabshee
dan
Seluruh keluarga yang mendukung cita-cita saya

Untuk ahli-ahli UMNO Cheras yang disayangi
serta
Murid-murid dan guru-guru di Parlimen Cheras
Pengalaman bersama anda mematang dan mewarnai kehidupan saya

Syed Ali Alhabshee
Kuala Lumpur Mac 2007



Tuan Yang Terutama
Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas
S.M.N., D.U.P.N., D.M.P.N., D.J.N.
Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang

سَيِّدُ الْوَلَدِ الْمَعْرُوفِ
فُلُوْفِيغ



Seri Mutiara
Pulau Pinang

KATA PENGANTAR

SAYA tidak menyangka bahawa saya akan diberikan peluang untuk mencoretkan sedikit pandangan dalam buku ini kerana saya tidak pernah pun menduga bahawa Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee akan menghasilkan satu penulisan yang baik, yang sudah tentu amat bermanfaat kepada ahli-ahli dan pemimpin UMNO.

Sehubungan itu, saya memanjatkan rasa syukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah izinNya, maka saya dapat juga melontarkan pandangan yang barangkali mampu dikongsi bersama.

Sebagai Ahli Dewan Negara merangkap Ketua UMNO Bahagian Cheras, saya menyifatkan Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee sebagai seorang pemimpin muda yang memiliki prinsip tersendiri dalam memperjuangkan kepentingan parti dan rakyat.

Dengan kelantangannya berhujah, ketepatan fakta yang dibawa dan dengan atas sifat keberanian kerana benar, beliau sentiasa ke hadapan dalam membawa isu-isu yang dianggap penting untuk negara, sama ada di dalam majlis-majlis UMNO mahupun di Dewan Negara.


Saya Pegawai Rakyat

Beliau selalu tegas dengan pendiriannya dan apa yang menarik perhatian saya ialah Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee ialah seorang pemimpin yang tidak pernah lokek untuk membantu sesiapa sahaja, apatah lagi jika ianya untuk kebaikan UMNO.

Berdasarkan kepada tajuk buku ini; 'Saya Pegawai Rakyat', ianya memang bertepatan dengan misi, visi dan perjuangan yang dibawa oleh Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee.

Justeru, saya berkeyakinan bahawa catatan sulung Senator Datuk Wira Syed Ali Alhabshee ini sekurang-kurangnya akan memberi iktibar dan panduan kepada generasi UMNO sebagai pewaris kepada kecemerlangan agama, bangsa dan negara dikemudian hari kelak.

Sekian, terima kasih.



**Tun Dato' Seri Utama (Dr.) Haji Abdul Rahman bin Haji Abbas
Yang Di Pertua Negeri Pulau Pinang**

KENAPA BUKU INI DITULIS?

TIDAK pernah terlintas difikiran saya untuk menulis, apalagi menjadi ‘penulis’. Namun panggilan telefon dari Amira, 8 tahun anak perempuan pertama yang sentiasa ingin tahu ke mana saya dan apakah urusan saya, mendorong saya untuk mencatatkan suka duka dan pengalaman yang saya lalui sepanjang menceburi kancah politik.

Catatan ini barangkali berguna kepada anak cucu saya untuk mereka mengenali saya dikemudian hari. Siapa tahu saya tidak berkesempatan mengenalkan diri kepada anak-anak secara lisan sebagaimana dilakukan Almarhum ayahanda saya kepada kami adik beradik. Mungkin juga memberi peluang kepada ahli UMNO lainnya untuk lebih mengenali saya.

Segala kekuatan saya kumpulkan untuk menulis walaupun menyedari bahawa saya bukanlah perakam peristiwa yang baik. Apalagi saya tidak pula pernah mengikuti sebarang kursus penulisan bagi membolehkan saya menghasilkan tulisan bermutu untuk tatapan pembaca.

Buku kecil ini, merakam segala peristiwa yang pernah saya harungi terutamanya dalam politik tanahair, sama ada di peringkat cawangan, bahagian, negeri dan juga pusat menerusi pendakian tangga Pergerakan Pemuda, Ahli Jawatankuasa Bahagian dan seterusnya sebagai Ketua



Sharifah Amira... Anak perempuan pertama Datuk Wira Syed Ali yang sentiasa ingin tahu kemana dan apakah urusan ayahnya.

UMNO Bahagian dan bekas Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan. Ramai yang ingin menjadi Wakil Rakyat bila menceburi bidang politik. Namun ayahanda menasihatkan saya supaya menjadi Pegawai Rakyat sewaktu saya menyatakan hasrat menyertai politik (UMNO).

“Kalau betul mahu menceburi bidang politik; pastikan diri bersedia untuk menjadi ‘Pegawai Rakyat’. Masih terngiang kata-kata ayahanda hingga ke hari ini.

Menurut ayahanda bila saya benar-benar memilih untuk menjadi ‘Pegawai Rakyat’ berkhidmat untuk rakyat, menyumbang buah fikiran demi agama, bangsa dan negara tanah tumpah darah. Usah difikirkan pulangan; kerana Allah telah menentukan rezeki seseorang.

Kebetulan, tercetusnya keinginan saya mencatat pengalaman menyertai politik, dalam suasana atau ‘angin’ semangat untuk menyambut ulangtahun kemerdekaan negara ke-50 bertiup lembut bagaikan menggamit rasa.

Saya berharap sekurang-kurangnya buku ini akan menjadi tatapan dan contoh kepada generasi dan pewaris saya, kalau pun tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan muda di dalam UMNO yang pasti akan menempuh hari-hari mendatang penuh liku.

Buku ini juga tidak hanya akan mencatatkan penglibatan saya dalam politik tetapi juga detik-detik awal penubuhan Yayasan Pendidikan Cheras, (YPC) yang merupakan yaysan pendidikan pertama kali diwujudkan di Wilayah Persekutuan.

Saya amat bersyukur dan bangga YPC akhirnya menjadi kenyataan. Sebuah yayasan pendidikan yang bertanggungjawab penuh terhadap kecemerlangan pembangunan ilmu menerusi program sekolah-sekolah angkat di kawasan parlimen Cheras yang telah memberi manfaat kepada sekian ramai pelajar.

Buku ini mengimbas peristiwa lalu saya sebagai ahli UMNO yang ingin turut menyumbang kepada parti, bermula di zaman pemerintahan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan diteruskan kelangsungan aspirasi oleh Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, selaku Perdana Menteri ke-5 dan Presiden UMNO yang kita kasihi.

Dua era pemerintahan pemimpin tersohor yang punya perbezaan dan kelainan pendekatan itu ternyata menyalakan semangat dan menyuntik kekuatan kepada saya untuk terus menabur khidmat bakti kepada UMNO yang menjadi teras kekuatan kuasa politik di negara ini.

Tun Dr. Mahathir kita sanjungi sebagai pemimpin yang disegani oleh kawan dan lawan telah mencurahkan keringat dan jasanya selama 22 tahun untuk kepentingan parti, rakyat dan negara Malaysia.

Perjuangan kini diteruskan Pak Lah pemimpin berjiwa rakyat punyai iltizam yang tinggi untuk memperkasakan agama Islam dan mengangkat martabat bangsa ke arah yang lebih cemerlang gemilang dan terbilang.

Kesucian perjuangan Pak Lah tidak diragukan. Sebagai anak Pulau Pinang saya tidak akan berganjak dalam meneruskan warisan perjuangan yang ditinggalkan oleh dua sahabat yang merupakan pengasas dan pejuang tulen UMNO di Pulau Pinang, iaitu Allahyarham Dato' Haji Ahmad Badawi dan Allahyarham Tan Sri Syed Abbas Alhabshee.

Semestinya saya akan terus bersama Pak Lah memperkukuhkan parti, kerana ia juga adalah kesinambungan perjuangan ayahanda saya.

Semangat perjuangan yang diwarisi daripada ayahanda sayalah yang membuat saya mendaftar diri sebagai ahli UMNO pada usia muda, iaitu ketika berusia 17 tahun. Di usia muda itu saya memegang jawatan Ketua Pemuda UMNO Cawangan Kelawai, Bahagian Jelutong, Pulau Pinang.


Saya amat menghargai segala jasa dan perjuangan ayahanda saya yang dalam hidupnya sentiasa membara semangat perjuangan untuk menegakkan syiar Islam, mengukuhkan kedudukan orang Melayu dalam bidang ekonomi dan memastikan UMNO kukuh sebagai pasak kepada kestabilan politik negara ini.

Syukur... saya dapat mewarisi minat, kecintaan dan rasa tanggungjawab yang tinggi terhadap agama, bangsa dan negara yang ada pada ayahanda saya.

Selaku Ketua UMNO Bahagian Cheras saya menyeru kepada setiap pemimpin, penyokong dan pendokong UMNO

di semua peringkat, baik Pemuda, Puteri dan Wanita supaya sentiasa menyokong kepimpinan Pak Lah dan Timbalannya, Datuk Sri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, untuk memastikan Negara melangkah maju mencapai wawasan 2020. Jangan sekali-kali menjadi 'sokong yang membawa rebah'.

Salam perjuangan



Datuk Wira Syed Ali Alhabshee
Kuala Lumpur, Mac 2007

ISI KANDUNGAN

<i>Bab 1</i>	<i>Mengapa Cheras Jadi Pilihan</i>	<i>1</i>
<i>Bab 2</i>	<i>Bukan Kedudukan Yang Dikejar</i>	<i>12</i>
<i>Bab 3</i>	<i>Berkhidmat Untuk Parti</i>	<i>23</i>
<i>Bab 4</i>	<i>YPC Bukan Agenda Politik</i>	<i>34</i>
<i>Bab 5</i>	<i>Menegak Kebenaran</i>	<i>49</i>
<i>Bab 6</i>	<i>Saya Pegawai Rakyat</i>	<i>61</i>
<i>Bab 7</i>	<i>Mengenang Jasa Ayahanda</i>	<i>72</i>
<i>Bab 8</i>	<i>Dari Bisnes Memugar Ladang Politik</i>	<i>83</i>





BAB 1
MENGAPA CHERAS JADI
PILIHAN

MENGAPA CHERAS JADI PILIHAN

Cheras tidak menjanjikan apa-apa peluang untuk mana-mana pemimpin UMNO diangkat sebagai Ahli Parlimen



KAWASAN Parlimen Cheras punyai lebih 65,891 pengundi mengikut statistik Disember 2006 dengan hanya kira-kira 10% ataupun 6,590 pengundi Melayu. Dilihat dari sudut politik ia tidak menjanjikan apa-apa kepada UMNO kerana nyata Cheras adalah lubuk pembangkang (DAP).

Wilayah Persekutuan pula punyai 13 kawasan Parlimen, lima dimiliki oleh UMNO, dua oleh MCA, dua oleh Gerakan, manakala empat lagi diwakili oleh DAP, termasuk Cheras.

Ada yang bertanya, kenapa saya memilih Cheras? Menurut mereka saya hanya membuang masa. Kata orang Negeri Sembilan saya hanya ‘mengabihkan boreh’ saja.

Rakan-rakan ada yang menasihatkan saya supaya kembali sahaja ke Pulau Pinang. Mungkin di sana ada tempat yang boleh memanjangkan kerjaya politik saya,

sama ada bertanding di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen. Pertanyaan dan saranan itu saya terima baik. Sejujurnya, saya juga tidak dapat mengelak, kadangkala terlintas juga difikiran; apakah sebenarnya yang saya 'cari' di Cheras, jika mengambil kira perhitungan politik.

Bagaimanapun, pertanyaan yang terlintas itu cepat-cepat saya padamkan daripada terus bermain difikiran. Jika dilayan, saya khuatir ia akan membuat saya hilang pertimbangan. Kerananya juga akan terhakis keyakinan dan cita-cita saya untuk terus memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Sejak memasuki kancah UMNO saya tidak membawa bekalan 'niat' untuk kaya, mengejar pangkat dan kedudukan. Jauh sekali untuk menjadikan UMNO sebagai 'alat' untuk kepentingan diri, keluarga dan kaum kerabat.

Lintasan-lintasan negatif yang menjelma difikiran biasanya segera terhakis. Kerana, setiap kali lintasan itu datang maka akan terngiang-ngiang di teliga pesanan ayahanda saya; 'Kita menjadi ahli UMNO biarlah ikhlas, jujur dan bertanggungjawab untuk agama, bangsa dan negara kita. Jangan kita gadaikan maruah UMNO untuk kepentingan peribadi'.

Saya memang sedar bahawa Cheras tidak menjanjikan apa-apa peluang untuk mana-mana pemimpin UMNO diangkat sebagai Ahli Parlimen. Perbezaan ketara antara pengundi Melayu dan bukan Melayu sudah memberikan



Saya Pegawai Rakyat


Pada umumnya masih ada dikalangan masyarakat kita yang berpandangan serong terhadap mereka yang menawarkan diri untuk menjadi Ketua Bahagian. Anggapan itu kadang kala menjadi wajar disebabkan ada yang menawarkan diri untuk menjadi Ketua Bahagian punya maksud tertentu.

Ternyata ada Ketua Bahagian yang kononnya berusaha dan bekerja untuk parti, demi agama, bangsa dan negara; namun yang nyata hanya mementingkan diri dan kelompoknya sendiri.

Anggapan itu juga awalnya dirasakan oleh seorang Syed Ali Alhabshee. Ahli Dewan Negara ini sempat bingung ketika pertama kali memenangi Kerusi Ketua UMNO Bahagian. Background-nya yang berasal dari dunia bisnes membuatnya harus berfikir dua kali untuk terjun ke dunia politik secara serius. Namun darah perjuangan milik ayahanda yang diwariskan kepadanya serta amanat yang ditinggalkan membuat dia berani memugar ladang politik.

Buku ini menceritakan sekelumit pengalaman seorang Ketua Bahagian yang menjalankan tugasnya bagaikan seorang 'Pegawai' kepada rakyat. Banyak perkara yang boleh dikutip daripada pergelutannya untuk mencari makna sesungguhnya dari profesyen yang disebutnya sebagai 'Pegawai Rakyat' ini. Meskipun peristiwa-peristiwa didalamnya bersifat lokal (berlaku di Parlimen Cheras), namun ia boleh menjadi gambaran umum kepada permasalahan yang dihadapi oleh Ketua Bahagian diseluruh negara.

ISBN 978-963-43539-0-2



9 789834 353902



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA